

03/09/1997

Firma British sokong MSC

BEBERAPA syarikat British akan datang ke sini November ini untuk menunjukkan sokongan mereka kepada Koridor Raya Multimedia (MSC), kata Setiausaha Luar Britain Robin Cook.

Menurutnya, mereka menyokong penuh rancangan MSC yang diilhamkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Saya pasti kita boleh belajar untuk bekerjasama dan bertukar-tukar teknologi," katanya kepada pemberita selepas menemui Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim di Kuala Lumpur, minggu lalu.

Cook, yang mengetuai 13 anggota rombongan lawatan rasmi dua hari ke Malaysia, berkata kedua-dua negara telah menemui kunci kejayaan dalam bidang industri yang penuh dengan teknologi tinggi terutama teknologi maklumat.

"Belajar daripada pengalaman dari kedua-dua belah pihak, boleh memastikan ekonomi kedua-dua negara bertambah kukuh," katanya.

(END)